

Konvo

USIM

1 Disember

SEREMBAN 22 Nov. - Lebih 50 orang terdiri daripada penuntut dan kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) giat menjalankan latihan persembahan menjelang pesta konvokesyen yang akan berlangsung di Nilai dekat sini dari 1 hingga 4 Disember ini.

Penyelaras Persembahan Konvokesyen USIM, Mohamad Akmal Razali menjanjikan kelainan sepanjang program itu berlangsung.

“Kita mula berlatih sejak dua bulan lalu melibatkan lebih 50 orang penuntut dan kakitangan USIM. Segala perancangan berjalan lancar.

“Latihan kini memasuki fasa akhir dan kelainan yang kami bawakan termasuklah persembahan tarian bercirikan 1Malaysia dan muzik akustik,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Mengenai penglibatan penuntut pada pesta berkenaan, Mohamad Akmal memberitahu, program itu merupakan salah satu usaha USIM dalam memperkembangkan bakat mereka.

Katanya, penglibatan mereka dalam aktiviti kesenian bagi memastikan penuntut bukan sahaja cemerlang bidang pendidikan, malah dalam bidang seni dan kebudayaan.

“Pada masa sama, melalui kesenian kita dapat menerapkan budaya dan jati diri melalui persembahan yang melambangkan identiti kita sebagai satu masyarakat melalui tarian tradisional dan sebagainya,” katanya.